

Malaysia, China perluas kualiti pendidikan

BH-

24/5/2007

BEIJING: Malaysia dan China akan bekerjasama dalam usaha memperluaskan akses dan pendidikan berkualiti kepada sekolah di kawasan pedalaman dan luar bandar, kata Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein.

Beliau berkata, perkara itu adalah antara kerjasama yang dipersetujui dalam perbincangan dengan rakan sejawatannya dari China, Zhou Ji, di sini, semalam.

Memandangkan China mempunyai jumlah sekolah, guru dan pelajar di kawasan pedalaman yang jauh lebih besar, beliau percaya pengalaman Malaysia dapat membantu negara terbabit.

Bagaimanapun katanya, China yang kini dalam proses merapatkan jurang antara sekolah bandar dan pedalamannya mempunyai kelebihan dari segi bilangan sekolah yang bertaraf dunia sama ada dalam bidang sukan, seni dan pendidikan khas.

"Saya percaya Malaysia boleh bekerjasama rapat dengan sekolah ini supaya kita dapat melonjakkan sekolah kita yang sudah cemerlang untuk mencapai taraf dunia," katanya kepada wartawan Malaysia pada akhir lawatan lima harinya ke sini, semalam.

Hishammuddin berkata, Malaysia kini berpeluang melaksanakan kerjasama lebih erat dengan China kerana Beijing sekarang mengambil pendekatan terbuka kepada bantuan serta sokongan daripada negara luar.

Di samping itu katanya, kedua-dua negara sedar bahawa globalisasi dan dunia tanpa sempadan hari ini menuntut mereka mengejar dan mencapai kejayaan secepat mungkin.

Dalam usaha mengeratkan hubungan, Hishammuddin mencadangkan kepada rakan sejawatannya itu membuat lawatan rasmi ke Malaysia.

Menurutnya, satu delegasi diketuai bersama timbalannya, Datuk Noh Omar dan Timbalan Menteri Belia dan Sukan Datuk Liow Tiong Lai akan melawat sekolah sukan di sini untuk meningkatkan kerjasama. - Bernama